

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/7/2013

PM umum bantuan khas, 2 kenaikan gaji

UM - 25/7/2013

KUALA LUMPUR 24 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM500 sebagai persiapan hari raya kepada penjawat awam bagi Gred 1 hingga Gred 54.

Perdana Menteri turut mengumumkan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM250 kepada 660,000 pesara kerajaan bagi menghargai jasa bakti mereka.

Katanya, pembayaran bagi bantuan khas itu akan dibuat pada 31 Julai ini.

Bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam dan pesara kerajaan itu masing-masing membabitkan peruntukan kewangan RM670 juta dan RM165 juta, katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Di samping bayaran bantuan khas itu, penjawat awam menikmati dua Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada tahun ini, katanya.

"Pertama, kenaikan gaji tahu-



NAJIB Tun Razak memotong pulut kuning sempena hari lahirnya yang ke-60 sambil diperhatikan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Sahabat, Ketua Bahagian, Puteri, Pemuda dan Wanita UMNO di Seri Perdana, Putrajaya, malam tadi. Turut kelihatan, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal (kanan) dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (dua dari kanan).

nan biasa dan kedua adalah pemberian faedah pemindahan gaji yang diawalkan bersamaan de-

ngan amaun 1KGT mengikut gred gaji masing-masing yang akan diterima esok, sebagaimana yang

diumumkan oleh saya dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-13," katanya.

Najib berkata, langkah itu berikutan kajian penambahbaikan skim perkhidmatan dan pembetulan struktur gaji yang akan diselesaikan pada Disember ini dalam Sistem Saraan Transformatif.

Katanya, pembayaran KGT ini melibatkan peruntukan kewangan RM1.3 bilion bagi 1.4 juta penjawat awam bagi tempoh enam bulan atau RM3.9 bilion untuk setahun.

"Faedah ini akan diperoleh sepanjang tempoh perkhidmatan. Mereka juga akan menerima faedah pencen yang lebih tinggi berikutan kenaikan dua KGT pada tahun ini," katanya.

Najib berkata, kerajaan memperuntukkan RM4.7 bilion bagi pembayaran KGT dan Bayaran Bantuan Khas Kerajaan bagi penjawat awam dan pesara bagi membantu meringankan beban kewangan bagi persiapan hari raya. - BERNAMA